

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 JUNE 2016

PM ucap takziah kepada keluarga Abdullah Ahmad

UM-13/6/2016

KUALA LUMPUR 12 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Tan Sri Abdullah Ahmad yang meninggal dunia akibat kanser hari ini.

Perdana Menteri berkata, Allahyarham yang lebih mesra dipanggil Dollah Kok Lanas amat rapat dengan arwah ayahandanya, Tun Abdul Razak dan seluruh keluarganya.

“Saya terima berita sedih bahawa Tan Sri Abdullah Ahmad atau lebih mesra Dollah Kok Lanas, telah pulang ke rahmatullah.

“Allahyarham amat rapat dengan arwah ayahanda Tun Razak dan keluarga saya. Takziah kepada keluarga Allahyarham, semoga

roh dirahmati Allah SWT. Al-Fatihah,” katanya dalam Facebook beliau hari ini.

Bekas Setiausaha Politik Perdana Menteri Kedua itu meninggal dunia di Pusat Perubatan Pantai di sini.

Sementara itu, ketika ditemui pemberita selepas menziarahi jenazah Allahyarham Abdullah di kediamannya di Lorong U-Thant 1 di sini bersama isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor, beliau berkata, hubungan yang rapat antara keluarga Allahyarham Abdullah dan keluarga Tun Abdul Razak telah lama terjalin.

“Satu kehilangan yang saya dapat rasai kerana memang kami

kedua-dua keluarga rapat sejak dulu dan sekian lama.

“Allahyarham seorang yang sangat rapat dengan arwah ayah saya dalam semua aspek termasuk kerja dan peribadi. Allahyarham banyak melakukan tugas tertentu yang diberikan oleh arwah ayah saya,” jelasnya.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi turut mengucapkan takziah kepada keluarga Abdullah.

“Al-Fatihah. Salam takziah buat keluarga Tan Sri Abdullah Ahmad (Kok Lanas). Semoga dicucuri rahmat Allah SWT,” katanya menerusi Twitter beliau.